

KEMARAU

Merupakan satu tempoh cuaca kering yang berpanjangan dengan terdapat sedikit hujan atau tiada hujan langsung. Ia boleh memberi kesan besar terhadap ekosistem, menjejaskan tahap kesihatan dan juga memberi kesan kepada kawasan pertanian yang terbabit.

Kesan Perubahan Iklim Terhadap Kesihatan



Menjejaskan sumber bekalan air yang selamat. Boleh meningkatkan kes-kes penyakit bawaan air dan makanan serta cirit-birit.



Meningkatkan kes penyakit berkaitan sistem pernafasan dan penyakit kardiovaskular.



Kes penyakit denggi meningkat. Masyarakat menyimpan air di dalam bekas simpanan air yang tidak ditutup menjadi tempat pembiakan jentik-jentik. Cuaca panas juga merangsang pembiakan nyamuk dan replikasi virus dalam nyamuk.



Menyebabkan *heat stroke* khususnya di kalangan kanak-kanak dan orang tua.

Langkah-Langkah Yang Perlu Diambil

- ✓ Pastikan bekas simpanan air adalah bersih dan selamat iaitu tidak pernah digunakan untuk menyimpan bahan kimia atau racun.
- ✓ Tutup semua bekas simpanan air supaya tidak menjadi tempat pembiakan nyamuk *Aedes* dan tidak tercemar daripada bakteria atau haiwan perosak.
- ✓ Masukkan *abate* ke dalam bekas-bekas air yang terbuka.
- ✓ Tukar air yang disimpan sekiranya ada perubahan bau, warna, rasa dan terdapat pembiakan lumut di dalam bekas simpanan.
- ✓ Bersihkan bekas simpanan air dengan memberusnya terlebih dahulu untuk menghilangkan keladak.
- ✓ Minum air secukupnya untuk elak dehidrasi.
- ✓ Minum air yang dimasak dengan sempurna.
- ✓ Berjimat-cermat dalam penggunaan air seperti menggunakan air yang telah digunakan (kitar semula) untuk menyiram pokok, mencuci kereta, mencuci lantai dan longkang.
- ✓ Anda boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada anggota kesihatan bagi sebarang kemusykilan.



SENTIASA AMALKAN KEBERSIHAN DIRI DAN PERSEKITARAN YANG BERSIH



Pesanan Daripada
Kementerian Kesihatan Malaysia



Sihat Sepanjang Hayat